

# penyata kewangan

- 108 Laporan Pengarah
- 113 Penyata oleh Para Pengarah
- 113 Akuan Berkanun
- 114 Laporan Juruaudit
- 115 Penyata Pendapatan
- 116 Kunci Kira-kira
- 117 Penyata Perubahan di dalam Ekuiti yang Disatukan
- 118 Penyata Perubahan di dalam Ekuiti Syarikat
- 119 Penyata Aliran Tunai
- 125 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

# laporan pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000.

## AKTIVITI UTAMA

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat di dalam aktiviti perdagangan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya.

Kumpulan pada dasarnya terlibat di dalam pembinaan dan perkhidmatan kejuruteraan, pembangunan harta tanah, penerbitan dan penyiaran, perkhidmatan kewangan dan penjanaan kuasa.

Tiada perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam Nota 37 kepada penyata kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan selepas cukai	73,599	186,761
Kepentingan minoriti	(15,915)	—
<b>Keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham</b>	<b>57,684</b>	<b>186,761</b>

## DIVIDEN

Tiada dividen yang diisytihar atau dibayar oleh Syarikat semenjak 31 Ogos 1999. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## MODAL SAHAM

Sepanjang tahun kewangan, modal saham terbitan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM969,780,832 kepada RM975,095,499 melalui terbitan saham biasa sebanyak 5,314,667 bernilai RM1.00 setiap satu seperti berikut:

Tujuan terbitan	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu
Pelaksanaan skim pilihan oleh kakitangan yang layak berhubung dengan Skim Pilihan Saham Kakitangan	5,314,667

Saham-saham biasa di atas yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan mempunyai hak yang sama di dalam semua segi dengan saham-saham biasa Syarikat yang sedia ada.

## SKIM PILIHAN SAHAM KAKITANGAN

Skim Pilihan Saham Kakitangan (“SPSK” atau “Skim”) Malaysian Resources Corporation Berhad telah diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 9 Februari 1996 dan berkuatkuasa pada 4 April 1996.

Butir-butir SPSK adalah terkandung di dalam Undang-Undang Kecil dan ciri-ciri utamanya adalah seperti berikut:

- (a) Skim ditubuhkan untuk penyertaan di dalam modal saham biasa Syarikat sahaja.

Jumlah saham yang akan ditawarkan di bawah SPSK tidak akan melebihi 10% daripada jumlah saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada sebarang masa sepanjang tempoh Skim. Pada tarikh permulaan Skim, jumlah saham yang sedia untuk ditawarkan ialah 49,292,624 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu.

- (b) Kakitangan yang layak ialah mereka yang berkhidmat secara berterusan dengan Kumpulan untuk tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun untuk kakitangan warganegara Malaysia (termasuk Pengarah-Pengarah Eksekutif sepenuh masa yang terlibat dalam pengurusan sehari-hari dan termasuk di dalam senarai gaji Syarikat) dan lima (5) tahun perkhidmatan berterusan dengan Kumpulan untuk kakitangan bukan warganegara Malaysia.
- (c) SPSK akan terus berkuatkuasa untuk tempoh lima (5) tahun bermula dari 4 April 1996 dan luput pada 3 April 2001.
- (d) Skim ini akan ditadbir oleh Jawatankuasa Pilihan yang terdiri daripada kakitangan pengurusan kanan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (e) Pilihan yang diberikan di bawah SPSK boleh dilaksanakan oleh penerima dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat sepanjang tahun bermula dari tarikh tawaran dan berakhir pada 3 April 2001. Pilihan yang diberikan hendaklah dilaksanakan oleh penerima seperti berikut:

Tahun melaksanakan Pilihan	% untuk dilaksanakan pada masa pelaksanaan SPSK	% untuk dilaksanakan dalam nisbah yang sama untuk baki tempoh SPSK			Pilihan ditawarkan dalam tahun ke 4 SPSK
		Pilihan ditawarkan dalam tahun ke 2 SPSK	Pilihan ditawarkan dalam tahun ke 3 SPSK	(terkumpul)	
Tahun 1	15	—	—	—	—
Tahun 2	30	25	—	—	—
Tahun 3	60	50	33	—	—
Tahun 4	80	75	66	—	50
Tahun 5	100	100	100	—	100

Pilihan yang diberikan untuk setiap tahun boleh dilaksanakan sepenuhnya atau dalam jumlah saham yang lebih kecil dengan syarat bilangan tersebut hendaklah dalam gandaan dan tidak kurang daripada 1,000 saham.

- (f) Harga pada mana kakitangan yang layak berhak mendapatkan saham di bawah SPSK adalah purata sebut harga pasaran saham Syarikat (seperti yang disebut dan disiarkan di dalam Diari Harian Bursa Saham Kuala Lumpur) untuk lima (5) hari pasaran terdahulu dari tarikh tawaran Pilihan masing-masing, atau nilai nominal saham, mengikut yang mana lebih tinggi.
- (g) Kakitangan yang layak hanya boleh menyertai satu SPSK yang dianjurkan oleh mana-mana syarikat di dalam Kumpulan pada satu-satu masa.
- (h) Semua terbitan saham-saham biasa baru yang timbul daripada SPSK mempunyai hak yang sama di dalam semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

## laporan pengarah (sambungan)

Sepanjang tahun kewangan, bilangan saham biasa bernali RM1.00 setiap satu yang dirangkumi oleh Pilihan yang diberi, dilaksana, dibatal dan tidak diterbitkan di bawah SPSK adalah seperti berikut:

Pecahan	Tarikh	Harga*	<b>Bilangan saham biasa bernali RM1.00 setiap satu dirangkumi oleh Pilihan</b>				<b>Pada 31.8.2000</b>
			<b>Pada 1.9.1999</b>	<b>Diberi</b>	<b>Dilaksana</b>	<b>Dibatal</b>	
1	4 Apr 1996	RM4.48	15,600,334	–	(12,000)	(754,000)	<b>14,834,334</b>
2	31 Mei 1996	RM4.61	3,916,333	–	(7,667)	(624,000)	<b>3,284,666</b>
3	31 Ogos 1996	RM5.69	5,410,667	–	–	(196,000)	<b>5,214,667</b>
4	30 Nov 1996	RM6.92	3,523,000	–	–	–	<b>3,523,000</b>
5	28 Feb 1997	RM4.09	3,752,667	–	(19,000)	(18,000)	<b>3,715,667</b>
6	31 Mei 1997	RM4.09	3,378,333	–	(35,000)	–	<b>3,343,333</b>
7-10	1 Ogos 1998	RM1.00	4,291,000	–	(2,519,000)	(47,000)	<b>1,725,000</b>
11	30 Sep 1998	RM1.00	1,141,000	–	(656,000)	–	<b>485,000</b>
12	4 Jan 1999	RM1.44	1,640,000	–	(1,026,000)	–	<b>614,000</b>
13	20 Mac 1999	RM1.00	422,000	–	(219,000)	–	<b>203,000</b>
14	8 Jun 1999	RM1.73	513,000	–	(341,000)	(8,000)	<b>164,000</b>
15	8 Sep 1999	RM2.61	–	1,168,000	(80,000)	(5,000)	<b>1,083,000</b>
16	10 Dis 1999	RM2.41	–	539,000	(81,000)	(15,000)	<b>443,000</b>
16A	12 Jan 2000	RM2.59	–	43,137,000	(319,000)	(22,000)	<b>42,796,000</b>
17-18	28 Jun 2000	RM2.08	–	1,149,000	–	–	<b>1,149,000</b>
			<b>43,588,334</b>	<b>45,993,000</b>	<b>5,314,667</b>	<b>(1,689,000)</b>	<b>82,577,667</b>

\* Harga Pilihan bagi Pecahan 1 hingga Pecahan 6 telah diselaraskan terhadap kesan terbitan bonus satu (1) saham biasa baru bagi setiap tiga (3) saham biasa sedia ada yang dimiliki, diterbitkan oleh Syarikat pada 3 September 1997.

## PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh semenjak tarikh laporan yang lepas adalah:

Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin (Presiden)	
Y. Bhg. Datuk Zahari Omar (Naib Presiden Eksekutif)	
Y. Bhg. Dato' Ahmad Hj. Ibnihajar	(dilantik pada 27.9.2000)
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin Dato' Hj. Salleh	(dilantik pada 27.9.2000)
Dr. Abdul Rahman Bidin	(dilantik pada 27.9.2000)
Encik Jamil Bidin	(dilantik pada 27.9.2000)
Dr. Lim Ken Huat	(dilantik pada 27.9.2000)
Encik Mohd Ibrahim Mohd Nor	(bersara pada 1.6.2000)
Y. Bhg. Datuk Abdul Kadir Jasin	(bersara pada 1.6.2000)
Encik Ahmad Jauhari Yahya	(bersara pada 1.7.2000)
Encik Abdul Rahman Hj. Sulaiman	(bersara pada 27.9.2000)
Mr. Seow Lun Hoo	(bersara pada 27.9.2000)

Sejajar dengan Artikel 100 Tatacara Pertubuhan Syarikat, Y. Bhg. Dato' Ahmad Hj. Ibnihajar, Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin Dato' Hj. Salleh, Dr. Abdul Rahman Bidin, Encik Jamil Bidin dan Dr. Lim Ken Huat, yang dilantik sebagai Ahli Lembaga sepanjang tempoh ini, bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, disebabkan layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Sejajar dengan Artikel 95 Tatacara Pertubuhan Syarikat, Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Maidin bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, disebabkan layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

## MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan yang membabitkan Syarikat sebagai satu pihak, dengan perkara atau perkara-perkara yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi ganjaran menerusi pengambilalihan saham atau debentur di dalam Syarikat atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran para Pengarah di dalam Nota 6 kepada penyata kewangan) hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, kepentingan Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham syarikat adalah seperti berikut:

Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
Pada 1.9.1999	Diambilalih	Dijual	Pada 31.8.2000

### Dianggap berkepentingan di dalam Syarikat

Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin 314,152,156 – (69,295,000) **244,857,156**

Y. Bhg. Dato' Seri Abdul Rahman Maidin dianggap mempunyai kepentingan di dalam saham Syarikat melalui kepentingan besar beliau di dalam Realmild (M) Sdn. Bhd. yang sebaliknya pula mempunyai kepentingan besar di dalam Syarikat.

Berdasarkan kepentingan saham beliau di dalam saham-saham Syarikat, Pengarah yang tertera di atas juga dianggap mempunyai kepentingan yang besar di dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu setakat mana Syarikat mempunyai kepentingan.

Pengarah-pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham atau debentur Syarikat dan perbadanan yang berkaitan.

## MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disiapkan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:

- untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang-hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang-hutang ragu; dan
- untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang-hutang, yang tidak mungkin mencapai nilai bukunya di dalam amalan biasa perniagaan seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan nilainya hingga ke nilai yang dianggarkan dapat dicapai.

## **laporan pengarah (sambungan)**

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah hutang-hutang lapuk dihapuskira atau jumlah peruntukan bagi hutang-hutang rugu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menyebabkan kekeliruan terhadap nilai aset semasa Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang berbangkit yang boleh mendatangkan kekeliruan atau kejanggalan kepada cara yang sedia ada untuk menilai aset dan tanggungan Kumpulan dan Syarikat.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain dikuatkuasakan atau berkemungkinan besar akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan di mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin memberi kesan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menyelesaikan tanggungan apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang tuntutan ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan kerana menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan atau penyata kewangan yang mana boleh menyebabkan kekeliruan pada sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa yang timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang boleh menjelaskan keputusan-keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat selain daripada yang dinyatakan di dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

## **JURUAUDIT**

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Disember 2000

**DATO' SERI ABDUL RAHMAN MAIDIN**  
Presiden

**DATUK ZAHARI OMAR**  
Naib Presiden Eksekutif

## penyata oleh para pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, DATO' SERI ABDUL RAHMAN MAIDIN dan DATUK ZAHARI OMAR, dua orang daripada para Pengarah MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 115 hingga 167 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 2000 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Disember 2000

**DATO' SERI ABDUL RAHMAN MAIDIN**

Presiden

**DATUK ZAHARI OMAR**

Naib Presiden Eksekutif

## akuan berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, LEE TEU LUAN, Pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD, dengan secara bersungguh-sungguh dan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 115 hingga 167, pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan yang bersungguh-sungguh ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan adalah menurut kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Akuan Berkanun, 1960.

**LEE TEU LUAN**

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas  
LEE TEU LUAN di KUALA LUMPUR, Malaysia pada  
21 Disember 2000.

Di hadapan saya,

**A.T. LIM JO SEN A.M.N**  
70 M (Tkt. Mezz) Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

**PESURUHJAYA SUMPAH**

# laporan juruaudit

kepada Ahli-ahli Malaysian Resources Corporation Berhad (No. Syarikat 7994D)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 115 hingga 167. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berasaskan kepada pengauditan yang dijalankan.

Kami telah menjalankan pengaudit sejarah dengan piawaian pengaudit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengaudit untuk mendapatkan kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas daripada kenyataan mengelirukan yang ketara. Audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian terhadap bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit ini juga meliputi penilaian terhadap dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian secara menyeluruh ke atas pembentangan penyata kewangan. Kami percaya pengaudit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pandangan kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan sejajar dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan dan berkenaan di Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) Perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diliputi di dalam penyata kewangan; dan
  - (ii) Kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 2000 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;
- dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang mana kami adalah juruaudit telah disimpan dengan baik sejajar dengan peruntukan Akta tersebut.

Nama bagi syarikat-syarikat subsidiari yang mana kami tidak dilantik sebagai juruaudit dinyatakan di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan. Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari ini dan laporan juruauditnya.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang diperlukan untuk tujuan-tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran yang dibuat di bawah seksyen kecil 3 Seksyen 174 Akta berkenaan.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS**

(No. AF: 1146)

Akauntan Awam

**GUMURI BIN HUSSAIN**

(No. 892/4/02 (J))

Rakan dalam firma

Kuala Lumpur

21 Disember 2000

# penyata pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
Hasil	4	<b>248,570</b>	228,991	<b>18,904</b>	46,783
Kos jualan		(218,974)	(190,865)	(6,182)	(13,258)
Keuntungan kasar		<b>29,596</b>	38,126	<b>12,722</b>	33,525
Pendapatan operasi lain	5	<b>10,979</b>	26,141	<b>2,456</b>	27,968
Kos jualan dan pengedaran		(675)	(497)	(291)	(161)
Perbelanjaan pentadbiran		<b>(35,740)</b>	(34,146)	<b>(19,167)</b>	(9,436)
Perbelanjaan operasi lain		<b>(27,808)</b>	(128,257)	<b>(23,553)</b>	(66,970)
Keuntungan/(kerugian) daripada pelupusan:					
– syarikat-syarikat subsidiari		<b>654</b>	(102)	–	(160)
– syarikat-syarikat bersekutu		<b>122,090</b>	(8,981)	<b>250,338</b>	1,308
– pelaburan lain		<b>733</b>	–	<b>733</b>	–
Peruntukan bagi kesusutan nilai pelaburan di dalam:					
– syarikat-syarikat subsidiari		–	–	–	(117,932)
– syarikat-syarikat bersekutu		–	(999,545)	–	(1,345,382)
– pelaburan lain		–	(8,563)	–	(5,000)
Kerugian daripada penutupan perniagaan		–	(14,645)	–	–
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	6	<b>99,829</b>	(1,130,469)	<b>223,238</b>	(1,482,240)
Kos kewangan	7	<b>(101,402)</b>	(190,238)	<b>(50,550)</b>	(59,063)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		<b>82,864</b>	(86,093)	–	–
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai		<b>81,291</b>	(1,406,800)	<b>172,688</b>	(1,541,303)
Cukai	8	<b>(7,692)</b>	(41,717)	<b>14,073</b>	–
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa selepas cukai		<b>73,599</b>	(1,448,517)	<b>186,761</b>	(1,541,303)
Kepentingan minoriti		<b>(15,915)</b>	14,932	–	–
Keuntungan/(kerugian) bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham		<b>57,684</b>	(1,433,585)	<b>186,761</b>	(1,541,303)
Pendapatan/(kerugian) sesaham (sen)					
– Asas	9	<b>5.93</b>	(148.63)		

Nota-nota di muka surat 125 hingga 167 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# kunci kira-kira

pada 31 Ogos 2000

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>				
Hartanah, loji dan peralatan				
Hartanah, loji dan peralatan				
operasi	10a	<b>94,575</b>	102,398	<b>4,873</b>
Hartanah pelaburan	10b	<b>258,429</b>	53,714	—
				2,508
Hartanah pembangunan	11	<b>353,004</b>	156,112	<b>4,873</b>
Perbelanjaan pembangunan lebuhraya		<b>591,949</b>	500,922	<b>3,920</b>
		<b>15,650</b>	11,128	—
Syarikat-syarikat subsidiari	12	—	—	<b>74,059</b>
Syarikat-syarikat bersekutu	13	<b>1,637,543</b>	1,888,568	<b>1,474,784</b>
Pelaburan lain	14	<b>1,407</b>	1,407	<b>1,110</b>
Perbelanjaan pembangunan projek	15	<b>4,084</b>	4,808	—
Muhibah daripada penyatuhan		<b>31,763</b>	30,168	—
				—
		<b>2,635,400</b>	2,593,113	<b>1,558,746</b>
				1,716,413
<b>ASET SEMASA</b>				
Hartanah pembangunan	11	<b>250,445</b>	218,428	—
Inventori	16	<b>14,891</b>	143,090	—
Penghutang dagangan dan lain-lain	17	<b>499,053</b>	530,983	<b>837,918</b>
Sekuriti boleh niaga	19	<b>290</b>	1,270	—
Baki di bank dan simpanan	20	<b>100,879</b>	37,854	<b>1,081</b>
		<b>865,558</b>	931,625	<b>838,999</b>
				485,507
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>				
Peruntukan bagi tanggungan dan caj	21	<b>18,195</b>	30,941	—
Pembiutang dagangan dan lain-lain	22	<b>493,395</b>	475,638	<b>308,439</b>
Pinjaman jangka pendek	24	<b>1,116,145</b>	923,227	<b>532,162</b>
Cukai		<b>31,289</b>	31,822	—
		<b>1,659,024</b>	1,461,628	<b>840,601</b>
<b>TANGGUNGAN SEMASA BERSIH</b>		<b>(793,466)</b>	(530,003)	<b>(1,602)</b>
				(353,182)
<b>TANGGUNGAN BUKAN SEMASA</b>				
Peruntukan bagi tanggungan dan caj	21	<b>1,408</b>	964	<b>715</b>
Tanggungan jangka panjang	25	<b>502,908</b>	801,852	<b>149,624</b>
Cukai tertunggak	28	<b>(12,540)</b>	(12,113)	—
		<b>491,776</b>	790,703	<b>150,339</b>
		<b>1,350,158</b>	1,272,407	<b>1,406,805</b>
				1,213,044
<b>MODAL DAN RIZAB-RIZAB</b>				
Modal saham	29	<b>975,096</b>	969,781	<b>975,096</b>
Rizab-rizab		<b>166,524</b>	109,751	<b>431,709</b>
Ekuiti pemegang saham		<b>1,141,620</b>	1,079,532	<b>1,406,805</b>
Kepentingan minoriti		<b>208,538</b>	192,875	—
		<b>1,350,158</b>	1,272,407	<b>1,406,805</b>
				1,213,044

Nota-nota di muka surat 125 hingga 167 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata perubahan di dalam ekuiti yang disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000

Modal Saham	Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan	
	Nilai nominal RM'000	Premium saham RM'000	Rizab berkanun RM'000	Perbezaan pertukaran matawang RM'000	Pendapatan tertahan/ (kerugian terkumpul) RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 September 1999	969,781	1,006,725	52,519	–	(949,493)	1,079,532
Terbitan modal saham						
– pelaksanaan						
Pilihan di bawah						
SPSK	5,315	1,685	–	–	–	7,000
Bahagian dalam						
pindahan kepada						
rizab berkanun oleh						
syarikat-syarikat						
bersekutu	–	–	17,476	–	(17,476)	–
Pertukaran matawang						
yang timbul dalam						
tahun kewangan	–	–	–	15	–	15
Keuntungan bersih						
bagi tahun						
kewangan	–	–	–	–	57,684	57,684
Bahagian terhadap						
pelarasian tahun						
sebelumnya oleh						
sebuah syarikat						
bersekutu	–	–	–	–	(2,611)	(2,611)
Pada 31 Ogos 2000	975,096	1,008,410	69,995	15	(911,896)	1,141,620
Pada 1 September 1998	963,129	1,006,165	37,714	–	498,897	2,505,905
Terbitan modal saham						
– pelaksanaan						
Pilihan di						
bawah SPSK	6,652	560	–	–	–	7,212
Bahagian dalam						
pindahan kepada						
rizab berkanun						
oleh syarikat-						
syarikat bersekutu	–	–	14,805	–	(14,805)	–
Kerugian bersih						
bagi tahun						
kewangan	–	–	–	–	(1,433,585)	(1,433,585)
Pada 31 Ogos 1999	969,781	1,006,725	52,519	–	(949,493)	1,079,532

*Nota-nota di muka surat 125 hingga 167 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# penyata perubahan di dalam ekuiti syarikat

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000

	<b>Modal Saham</b>	<b>Tidak Boleh Diagihkan</b>	<b>Boleh Diagihkan</b>	<b>Pendapatan tertahanan/ (kerugian terkumpul)</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>Nilai Nominal RM'000</b>	<b>Premium saham RM'000</b>	<b>RM'000</b>		
Pada 1 September 1999	<b>969,781</b>	<b>1,006,725</b>	<b>(763,462)</b>	<b>1,213,044</b>	
Terbitan modal saham					
– pelaksanaan Pilihan di bawah SPSK	<b>5,315</b>	<b>1,685</b>	<b>–</b>	<b>7,000</b>	
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>186,761</b>	<b>186,761</b>	
Pada 31 Ogos 2000	<b>975,096</b>	<b>1,008,410</b>	<b>(576,701)</b>	<b>1,406,805</b>	
Pada 1 September 1998	963,129	1,006,165	777,841	2,747,135	
Terbitan modal saham					
– pelaksanaan Pilihan di bawah SPSK	6,652	560	–	7,212	
Kerugian bersih bagi tahun kewangan	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>(1,541,303)</b>	<b>(1,541,303)</b>	
Pada 31 Ogos 1999	<b>969,781</b>	<b>1,006,725</b>	<b>(763,462)</b>	<b>1,213,044</b>	

*Nota-nota di muka surat 125 hingga 167 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	<b>81,291</b>	(1,406,800)	<b>172,688</b>	(1,541,303)
Pelarasan bagi:				
Perbelanjaan faedah	<b>101,167</b>	117,807	<b>50,550</b>	59,063
Susutnilai bagi harta tanah, loji dan peralatan operasi	<b>10,679</b>	9,832	<b>1,073</b>	1,265
Susutnilai harta tanah pelaburan	<b>1,354</b>	1,354	—	—
Harta tanah, loji dan peralatan operasi dihapuskira	<b>14</b>	50	<b>3</b>	—
Perbelanjaan pembangunan projek dilunaskan/dihapuskira	<b>1,770</b>	42	—	—
Peruntukan bersih bagi hutang rugu (Keuntungan)/kerugian bersih daripada pelupusan/pencairan pelaburan di dalam	<b>2,866</b>	58,943	<b>521</b>	56,640
– syarikat-syarikat subsidiari	(654)	102	—	160
– syarikat-syarikat bersekutu	(122,090)	8,981	(250,338)	(1,308)
– pelaburan lain	(733)	—	(733)	—
– sekuriti boleh niaga	(2,133)	(3,039)	—	—
Bahagian dalam keputusan syarikat-syarikat bersekutu	(82,864)	86,093	—	—
(Penyataan semula)/peruntukan bagi tanggungan dan caj	(12,266)	7,987	(213)	92
(Penyataan semula)/peruntukan kerugian yang dijangka bagi kontrak	(11,991)	39,780	—	—
Pendapatan faedah	(3,980)	(24,372)	(5,124)	(33,228)
(Keuntungan)/kerugian bersih daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan operasi	(951)	229	(140)	—
(Keuntungan)/kerugian bersih belum nyata daripada pertukaran matawang asing	(272)	69,799	—	—
Pendapatan dividen	(13)	(49)	(4,334)	(16,938)
Peruntukan bagi kesusutan nilai pelaburan di dalam:				
– syarikat-syarikat subsidiari	—	—	—	117,932
– syarikat-syarikat bersekutu	—	999,545	—	1,345,382
– pelaburan lain	—	8,563	—	5,000
Kerugian daripada penutupan perniagaan	—	14,645	—	—
	<b>(38,806)</b>	(10,508)	<b>(36,047)</b>	(7,243)

## penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000 (sambungan)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
Peningkatan dalam harta tanah pembangunan	(56,770)	(74,961)	(50)	(10)
Peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan lebuhraya	(4,522)	(2,980)	—	—
(Peningkatan)/pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan projek	(913)	512	—	—
(Peningkatan)/pengurangan dalam inventori	(87,859)	338	—	—
Pengurangan/(peningkatan) dalam penghitung	1,851	167,455	(181,521)	200,200
Pengurangan dalam sekuriti boleh niaga	3,113	3,914	—	—
Peningkatan dalam jumlah hutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	—	—	(172,744)	(440,098)
Pengurangan/(peningkatan) dalam jumlah hutang oleh syarikat-syarikat bersekutu	12,595	27,718	947	(10,214)
(Pengurangan)/peningkatan dalam pembiutang	(42,066)	70,319	6,114	15,647
Pengurangan dalam tanggungan tertunggak	(162,338)	(72,374)	—	—
Tunai bersih (diguna dalam)/dijana daripada operasi	(375,715)	109,433	(383,301)	(241,718)
Faedah diterima	3,980	24,372	5,124	33,228
Dividen diterima daripada:				
– syarikat-syarikat bersekutu	3,630	13,983	3,120	12,160
– sekuriti boleh niaga	10	—	—	—
Cukai diperolehi semula/(dibayar)	4,451	(35,236)	15,287	4,743
Faedah dibayar	(125,522)	(130,178)	(50,550)	(59,063)
Ganjaran persaraan dibayar	(36)	(22)	(36)	(22)
Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti operasi	(489,202)	(17,648)	(410,356)	(250,672)

# penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000 (sambungan)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2000 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>					
Hasil daripada pelupusan saham di dalam syarikat-syarikat bersekutu		<b>436,434</b>	53,054	<b>411,621</b>	33,081
Hasil daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan operasi		<b>5,073</b>	3,562	<b>559</b>	—
Tunai bersih daripada pelupusan dan pencairan kepentingan di dalam syarikat-syarikat subsidiari	A	<b>1,973</b>	(833)	—	1,481
Hasil daripada pelupusan pelaburan lain		<b>733</b>	207	<b>733</b>	—
Pembelian sebuah syarikat subsidiari	B	<b>287</b>	(2,619)	—	(1,656)
Dividen diterima daripada pelaburan lain		—	35	—	35
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan operasi		<b>(9,286)</b>	(6,015)	<b>(3,860)</b>	(429)
Pembelian pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu		—	(14,040)	—	(8,529)
Pembelian pelaburan lain		—	(407)	—	(200)
Pembelian saham tambahan dalam pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari		—	—	<b>(1,201)</b>	—
Aliran masuk tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		<b>435,214</b>	32,944	<b>407,852</b>	23,783
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Hasil daripada pinjaman jangka pendek		<b>78,484</b>	20,205	<b>73,834</b>	19,750
Hasil daripada pinjaman jangka panjang		<b>219,726</b>	118,698	—	—
Hasil daripada terbitan saham		<b>7,000</b>	7,212	<b>7,000</b>	7,212
Pembayaran balik pinjaman jangka panjang		<b>(150,882)</b>	(423,343)	<b>(43,959)</b>	—
Pembayaran balik pinjaman jangka pendek		<b>(18,594)</b>	(97,325)	<b>(18,513)</b>	(45,988)
Simpanan tetap (dipegang)/dilepaskan sebagai nilai jaminan		<b>(3,697)</b>	124,723	—	—
Aliran masuk/(keluar) tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		<b>132,037</b>	(249,830)	<b>18,362</b>	(19,026)
<b>PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DI DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>					
		<b>78,049</b>	(234,534)	<b>15,858</b>	(245,915)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>					
		<b>(82,843)</b>	151,691	<b>(100,940)</b>	144,975
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>					
	30	<b>(4,794)</b>	(82,843)	<b>(85,082)</b>	(100,940)

*Nota-nota di muka surat 125 hingga 167 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

## penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000 (sambungan)

### (A) RINGKASAN KESAN PELUPUSAN DAN PENCAIRAN KEPENTINGAN DI DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	2000 RM'000	1999 RM'000
Aset bersih dilupuskan:		
Hartanah, loji dan peralatan	3,445	588
Inventori	7	–
Penghutang dagangan dan lain-lain	2,557	2,364
Tunai dan baki di bank	–	192
Simpanan dengan bank-bank berlesen	–	2,122
Pembiutang dagangan dan lain-lain	(4,872)	(2,855)
Overdraft bank	(998)	–
Cukai	–	(211)
Cukai tertunggak	–	(122)
Kepentingan minoriti	(48)	(955)
 Aset bersih dilupuskan	 91	 1,123
Kos sampingan daripada pelupusan syarikat subsidiari	230	–
Keuntungan/(kerugian) terkecuali daripada pelupusan	654	(102)
Muhibah daripada penyatuhan	–	460
 Jumlah pertimbangan diterima daripada pelupusan	 975	 1,481
 Tolak: Tunai dan baki di bank dilupuskan	 –	 (192)
Simpanan dengan bank-bank berlesen dilupuskan	–	(2,122)
Overdraft bank	998	–
 Tunai bersih daripada pelupusan dan pencairan kepentingan di dalam syarikat-syarikat subsidiari	 1,973	 (833)

Pada 23 Ogos 2000, Zelleco (M) Sendirian Berhad, sebuah syarikat subsidiari 70% milik Syarikat telah menyempurnakan pelupusan keseluruhan 65% kepentingan ekuiti di dalam Zelleco Metal Galvanising Sdn. Bhd. ("ZMG") untuk pertimbangan tunai berjumlah RM975,000 (Nota 37(f)).

Kesan pelupusan ZMG ke atas keputusan Kumpulan bagi tempoh semasa sehingga ke tarikh pelupusan adalah seperti berikut:

	Tempoh kewangan berakhir 23.8.2000 RM'000	Tempoh kewangan berakhir 31.8.1999 RM'000
Hasil	237	2,843
Kos operasi	(1,753)	(4,164)
Keuntungan daripada pelupusan syarikat subsidiari	654	–
 Kerugian daripada operasi	 (862)	 (1,321)
Kos kewangan	(240)	(309)
 Kerugian sebelum cukai	 (1,102)	 (1,630)
Cukai	–	–
 Kerugian selepas cukai dan boleh diagihkan kepada pemegang saham	 (1,102)	 (1,630)

## penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000 (sambungan)

**(A) RINGKASAN KESAN PELUPUSAN DAN PENCAIRAN KEPENTINGAN DI DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (sambungan)**  
Kesan pelupusan ZMG ke atas:

	<b>Pada</b>	<b>Pada</b>
	<b>23.8.2000</b>	<b>31.8.1999</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Hartanah, loji dan peralatan	3,445	3,920
Inventori	7	6
Penghutang dagangan dan lain-lain	2,557	2,775
Tunai dan baki di bank	–	13
Pembiutang dagangan dan lain-lain	(4,872)	(4,131)
Pinjaman jangka pendek	–	(368)
Overdraft bank	(998)	(320)
Kepentingan minoriti	(48)	(663)
<b>Aset bersih dilupuskan</b>	<b>91</b>	<b>1,232</b>

**(B) RINGKASAN KESAN PENGAMBILALIHAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI**

	<b>2000</b>	<b>1999</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Aset bersih diambilalih:</b>		
Hartanah, loji dan peralatan	43	23,321
Pelaburan lain	–	22
Hartanah pembangunan	19,162	–
Perbelanjaan pembangunan projek	2	–
Muhibah	–	210
Inventori	–	829
Penghutang dagangan dan lain-lain	237	3,875
Simpanan dengan syarikat-syarikat kewangan	308	755
Tunai dan baki di bank	–	94
Pembiutang dagangan dan lain-lain	(21,326)	(26,062)
Overdraft bank	(21)	(1,812)
Cukai	–	(300)
Pinjaman jangka panjang	–	(1,930)
<b>Aset bersih diambilalih</b>	<b>(1,595)</b>	<b>(998)</b>
<b>Muhibah daripada pengambilalihan</b>	<b>1,595</b>	<b>2,654</b>
<b>Pertimbangan pembelian</b>	<b>–</b>	<b>1,656</b>
<b>Tolak: Simpanan dengan syarikat kewangan yang diambilalih</b>	<b>(308)</b>	<b>(755)</b>
Tunai dan baki di bank diambilalih	–	(94)
Overdraft bank	21	1,812
<b>Tunai bersih (diperolehi daripada)/digunakan untuk pengambilalihan syarikat subsidiari</b>	<b>(287)</b>	<b>2,619</b>

Pada 8 April 2000, Kumpulan telah memeterai Perjanjian Penjualan Saham untuk pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam Novelway Investments (Pty) Ltd. untuk pertimbangan nominal sebanyak SAR100 (Nota 37(c)).

## penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000 (sambungan)

### (B) RINGKASAN KESAN PENGAMBILALIHAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (sambungan)

Kesan pengambilalihan ke atas keputusan kewangan Kumpulan dari tarikh pengambilalihan sehingga 31 Ogos 2000 adalah seperti berikut:

	RM'000
Hasil	-
Kos operasi	(117)
Kerugian daripada operasi	(117)
Kos kewangan	(88)
Kerugian sebelum cukai	(205)
Cukai	-
Kerugian selepas cukai dan boleh diagihkan kepada pemegang saham	(205)

Kesan pengambilalihan ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Ogos 2000 adalah seperti berikut:

	Pada 31.8.2000
	RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	43
Hartanah pembangunan	18,992
Perbelanjaan pembangunan projek	2
Muhibah daripada penyatuhan	1,595
Penghutang dagangan dan lain-lain	234
Tunai dan baki di bank	284
Pembiutang dagangan dan lain-lain	(21,340)
Tanggungan bersih	(190)

# nota-nota kepada penyata kewangan

31 Ogos 2000

## 1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat di dalam aktiviti perdagangan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya.

Kumpulan pada dasarnya terlibat di dalam pembinaan dan perkhidmatan kejuruteraan, pembangunan harta tanah, penerbitan dan penyiaran, perkhidmatan kewangan dan penjanaan kuasa.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam tanggungan berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia serta disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Alamat berdaftar Syarikat adalah seperti berikut:

Aras 10, Menara MRCB  
No. 2, Jalan Majlis 14/10  
Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

## 2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah (seperti yang telah diubahsuai bagi penilaian semula beberapa harta tanah pelaburan dan harta tanah pembangunan tertentu), yang memenuhi syarat piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

## 3 RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

### (a) Asas Penyatuan

Penyata pendapatan serta kunci kira-kira yang disatukan mengandungi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan, bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan berakhir.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan telah diambilkira dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh pelupusan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari dikenalpasti dan nilai-nilai tersebut ditunjukkan di dalam penyata kewangan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari ditunjukkan sebagai muhibah daripada penyatuan.

Semua urusniaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak nyata daripada urusniaga antara kumpulan syarikat-syarikat dihapuskan; kerugian tidak nyata juga dihapuskan kecuali jika kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana sesuai, dasar-dasar perakaunan bagi syarikat-syarikat subsidiari telah ditukar untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar yang diambilpakai oleh Kumpulan. Pendedahan berasingan dibuat untuk kepentingan minoriti.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sesebuah syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan di dalam aset bersihnya berserta muhibah daripada pengambilalihan.

# nota-nota kepada penyata kewangan

31 Ogos 2000 (sambungan)

## 3 RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### (b) Muhibah daripada penyatuhan

Muhibah yang wujud daripada penyatuhan mewakili lebihan nilai saksama bagi pertimbangan pembelian syarikat-syarikat subsidiari ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan terhadap aset bersih yang boleh diasingkan pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dinyatakan pada kos kecuali bila mana ia dihapuskira jika, para Pengarah berpendapat ia mengalami kesusutan kekal. Muhibah yang dihapuskira oleh syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan semula di dalam penyata kewangan Kumpulan supaya selaras dengan dasar Kumpulan.

### (c) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos kecuali jika para Pengarah berpendapat bahawa terdapat kesusutan nilai berkekalan di dalam pelaburan, bila mana peruntukan akan dibuat untuk kesusutan di dalam nilai.

### (d) Syarikat-syarikat bersekutu

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian di dalam keputusan berhubung dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas dasar-dasar berkenaan.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali para Pengarah berpendapat bahawa terdapat kesusutan kekal di dalam nilai pelaburan, bila mana peruntukan akan dibuat bagi kesusutan di dalam nilai.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan di dalam penyata pendapatan bahagian Kumpulan di dalam keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tempoh tersebut. Pelaburan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan di dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menunjukkan bahagiannya di dalam aset bersih syarikat-syarikat bersekutu dan termasuk muhibah daripada pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila nilai dibawa pelaburan di dalam sesebuah syarikat bersekutu mencapai sifar, kecuali Kumpulan menanggung atau menjamin tanggungjawab syarikat bersekutu berkenaan.

Keuntungan tidak nyata daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapuskan ke tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu tersebut; kerugian tidak nyata juga dihapuskan kecuali urusniaga tersebut mengemukakan bukti tentang kerosakan aset yang dipindahkan. Dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, di mana perlu, perubahan dibuat terhadap penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keselarasan dasar-dasar perakaunan dengan Kumpulan.

### (e) Usahasama

Kepentingan Kumpulan di dalam entiti yang diuruskan bersama diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan mengikut kaedah penyatuhan berkadar. Entiti yang diuruskan bersama adalah perbadanan, perkongsian atau entiti lain di mana terdapatnya persetujuan berkontrak untuk berkongsi kawalan oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak lain. Di bawah kaedah ini, Kumpulan memasukkan bahagian pendapatan dan perbelanjaan, aset dan tanggungan daripada entiti yang diuruskan bersama secara individu ke dalam komponen-komponen berkaitan di dalam penyata kewangan.

### **3 RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

#### **(f) Pelaburan lain**

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos. Peruntukan bagi kesusutan di dalam nilai pelaburan hanya akan dibuat di mana, para Pengarah berpendapat, berlaku kesusutan kekal di dalam nilai. Kesusutan kekal di dalam nilai pelaburan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan bila mana kesusutan tersebut dikenalpasti.

Apabila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

#### **(g) Sekuriti boleh niaga**

Sekuriti boleh niaga dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan berdasarkan jumlah portfolio mengikut kategori pelaburan. Kos diperolehi berdasarkan purata wajaran. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan tukaran saham yang disenaraikan pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan di dalam nilai dibawa sekuriti boleh niaga dikredit/dicaj kepada penyata kewangan.

Apabila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

#### **(h) Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan operasi dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah pegangan bebas dan pembinaan dalam proses yang tidak disusutnilai. Tanah pegangan pajakan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 99 tahun.

Hartanah, loji dan peralatan operasi lain disusutnilai berdasarkan kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran tempoh penggunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan	2%
Loji dan jentera	5% – 20%
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	5% – 33 1/3%
Peralatan dan perisian komputer	20% – 33 1/3%
Kenderaan bermotor	20% – 33 1/3%

Hartanah pelaburan yang merupakan aset dinyatakan pada kos atau penilaian para Pengarah yang berasaskan kepada penilaian jurunilai profesional pada tahun 1989 menggunakan asas nilai pasaran terbuka, ditolak susutnilai terkumpul. Tanah dan bangunan-bangunan pegangan pajakan Kumpulan tidak dinilai semula semenjak penilaian yang lalu kerana para Pengarah tidak mengamalkan dasar penilaian semula yang kerap bagi aset tersebut.

Oleh itu, penilaian ke atas aset yang dinilai semula tidak dikemaskini dan ia terus dinyatakan pada jumlah penilaian semula yang terakhir ditolak susutnilai sebagaimana yang dibenarkan di bawah peruntukan di dalam peralihan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diambilpakai daripada Piawaian Perakaunan Antarabangsa No.16 (pindaan).

Tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang tempoh masing-masing di antara 66 tahun hingga 99 tahun. Susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk melupuskan kos bagi setiap aset sepanjang anggaran tempoh penggunaannya. Kadar susutnilai tahunan utama bagi bangunan di bawah hartanah pelaburan ialah 2%.

# nota-nota kepada penyata kewangan

31 Ogos 2000 (sambungan)

## 3 RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### (i) Pajakan kewangan dan sewa beli

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana kesemua manfaat dan risiko hak milik dipindahkan kepada Kumpulan dan Syarikat dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Harta tanah, loji dan peralatan yang diambil alih di bawah pajakan kewangan dan sewa beli dipermodalkan di dalam penyata kewangan dan disusutnilai sejajar dengan dasar yang tertera di dalam Nota 3(h) di atas. Hutang yang belum dijelaskan di bawah pajakan kewangan dan sewa beli selepas ditolak caj kewangan dinyatakan sebagai tanggungan di dalam penyata kewangan. Caj kewangan diperuntukkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian masing-masing.

### (j) Perbelanjaan pembangunan projek

Perbelanjaan yang ditanggung sebelum tarikh permulaan operasi komersil dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan projek dan dilunaskan sepanjang tempoh tidak lebih dari sepuluh tahun apabila operasi bermula. Sekiranya tiada jangkaan manfaat ekonomi pada masa hadapan dihasilkan daripada perbelanjaan pembangunan projek, jumlah yang dipermodalkan dicaj sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan dalam tahun kewangan bila mana keputusan tersebut dibuat.

### (k) Matawang asing

Entiti asing Kumpulan adalah operasi yang bukan merupakan sebahagian daripada operasi Syarikat. Penyata pendapatan entiti asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata bagi tahun kewangan dan kunci kira-kira ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran semula pelaburan bersih di dalam entiti asing diambil kira ke dalam 'Perbezaan pertukaran matawang asing' di dalam ekuiti pemegang saham. Semasa pelupusan entiti asing berkenaan, perbezaan pertukaran sedemikian diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian daripada pelupusan.

Muhibah dan perubahan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan tanggungan Kumpulan dan ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

Penyata kewangan operasi asing yang merupakan sebahagian daripada operasi Syarikat ditukar menggunakan tatacara di dalam perenggan berikut seolah-olah urusniaga operasi asing berkenaan adalah operasi Syarikat.

